



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM



eBULETIN

BIL. 1/2023

JANUARI - MAC

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR Bil. 1/2023



MESYUARAT PENCAPAIAN CEPA 2022 DAN PENYELARASAN HALATUJU CEPA 2023



JABATAN ALAM SEKITAR

**BIL. 1 TAHUN 2023
JANUARI - MAC**

Kumpulan Editorial



PENASIHAT

**Mashitah Binti
Darus**



KETUA EDITOR

**Hajah Azuri
Azizah Binti Haji
Saedon**



TIMBALAN KETUA EDITOR

**Zuraini Binti
Siam**



EDITOR

**Ts. Ir. Shazana
Binti Mohd
Ibrahim**



PENOLONG EDITOR

**Zainirul Ailis
Binti Mustafa**



PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 3

JANUARI 2023

MESYUARAT PENCAPAIAN CEPA 2022 DAN PENYELARASAN HALATUJU CEPA 2023	4
MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 & MAJLIS PERSARAAN PEGAWAI TAHUN 2022	5-6
LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) JABATAN ALAM SEKITAR KUNJUNGAN HORMAT TKPP JAS KE TKPP SPRM	8
PENGAWASAN KUALITI UDARA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SUNGAI PETANI, KEDAH	9
MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN PENGUATKUASA JABATAN ALAM SEKITAR 2023	10
LIBAT URUS PERKONGSIAN MAKLUMAT SISTEM APLIKASI AGENSI LUAR	12-13
	14-15

FEBRUARI 2023

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR Bil. 1/2023	17
LAWATAN TEKNIKAL PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA KE STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI & STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK	18
MESYUARAT PENYELARASAN HALATUJU PENGUATKUASAAN DAN PENGURUSAN ADUAN 2023	20-22

MAC 2023

PERTANDINGAN MEWARNA INVEST IN OUR PLANET SEMPENA HARI BUMI KLINIK BIMBINGAN PEPERIKSAAN PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR (PKAS) GRED C41 DAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR (PPKAS) GRED C29	24
BENGKEL NATIONAL CONSULTATION WORKSHOP FOR KIGALI IMPLEMENTATION PLAN (KIP) PREPARATION	25
SEMINAR PEMERKASAAN PSIKOLOGI DAN KEROHANIAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KE ARAH MEMBENTUK PEGAWAI BERINTEGRITI TINGGI	26
PERINGKAT ZON TENGAH	27
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JAS DAN TNB GENCO	28
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA JAS-TNB GENCO	29
SIMPOSIUM PEMATUHAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 & PEMERKASAAN PEMANTAUAN KUALITI ALAM SEKITAR ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT PUTRAJAYA DENGAN KERJASAMA KELAB KEBAJIKAN & SUKAN JABATAN ALAM SEKITAR (KESAS) DI MOVENPICK HOTEL & CONVENTION CENTRE KLIA	31-33
KAYUHAN HIJAU INVEST IN OUR PLANET SEMPENA HARI BUMI	34
SCHEDULE WASTE MANAGEMENT SYMPOSIUM, BUILDING A RESILIENT FUTURE : ROLE OF CIRCULAR ECONOMY IN EMPOWERING SUSTAINABILITY	35
BENGKEL PERBINCANGAN PROGRAM-PROGRAM DALAM STRATEGIC ENGAGEMENT PLAN (SEP) ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)	36

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS

38-43

CROSS WORD PUZZLE

44-45

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Assalamualaikum wbt

dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, JAS telah berjaya menerbitkan eBuletin JAS Bilangan 1/2023.

Di kesempatan kali ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menyumbangkan bahan serta artikel bagi menjayakan eBuletin Bilangan 1/2023 pada kali ini.

eBuletin merupakan wadah yang diterbitkan pada setiap suku tahun bagi menghebahkan kepada umum berkenaan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan serta dijayakan oleh JAS. Diharapkan dengan perkongsian program dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh JAS untuk suku pertama tahun 2023 ini akan dapat diteruskan momentum kecemerlangan untuk suku tahun kedua dan seterusnya sepanjang tahun 2023 ini.

Perkara ini penting dalam kita memastikan pelaksanaan tanggungjawab dan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi serta bersungguh-sungguh supaya tahun 2023 ini akan menjadi lebih baik dari tahun sebelumnya.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memacu JAS ke arah kecemerlangan dengan penerapan nilai-nilai positif seperti mementingkan kualiti keberhasilan kerja, komitmen, kerja berpasukan, integriti dan amanah dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Terima kasih kepada semua.

Selamat maju jaya.

“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”

WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



MESYUARAT PENCAPAIAN CEPA 2022 DAN PENYELARASAN HALATUJU CEPA 2023

11 Januari 2023, Putrajaya - Mesyuarat Pemantapan Komunikasi, Pendidikan, dan Kesedaran Awam (CEPA) dan Penyelarasan Halatuju Program CEPA 2023 telah diadakan. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 48 pegawai yang merupakan wakil Penyelaras CEPA daripada Bahagian-Bahagian JAS Ibu Pejabat, EiMAS, dan juga JAS Negeri. Mesyuarat ini dilaksanakan bertujuan untuk:

- i. Penilaian pencapaian CEPA 2022 dan halatuju pemantapan CEPA 2023.
- ii. Peruntukan kos CEPA 2023.
- iii. Membincangkan cadangan penambahbaikan dan isu-isu berkaitan program CEPA.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS.

Di akhir sesi program ini, pencapaian projek menaiktaraf perpustakaan di JAS negeri dibawah peruntukan RMK12 telah dibentangkan bagi melihat kejayaan pelaksanaan projek dapat dilakukan dengan sempurna



MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 & MAJLIS PERSARAAN PEGAWAI TAHUN 2022

12 Januari 2023, Putrajaya - Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 dan Majlis Persaraan Pegawai Tahun 2022 telah diadakan di Dewan Baiduri Wisma Sumber Asli. Majlis Amanat Tahun Baharu merupakan program tetap pada setiap awal tahun baharu. Pada Majlis Amanat ini YBrs En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar telah menyampaikan amanat yang amat bermakna kepada semua warga JAS dimana pada majlis ini akan disampaikan penghargaan terhadap pencapaian bagi tahun sebelum dan aspirasi serta amanat bagi tahun baharu yang bakal ditempuhi.

Antara lain amanat Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah menyeru semua warga JAS agar sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan dalam semua aspek pelaksanaan dan tanggungjawab serta skop kerja JAS supaya ianya dapat memenuhi tuntutan orang awam ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dari semasa ke semasa dan juga pada masa akan datang.



Sesi Bergambar Bersama Semua Tetamu dan Warga JAS



Ketua Pengarah Alam Sekitar menyampaikan Amanat Tahun 2023

Pada majlis ini juga turut diadakan Majlis Persaraan Tahun 2022 bagi meraikan pegawai-pegawai yang telah bersara pada tahun 2022. Seramai lapan (8) orang pegawai yang bersara telah hadir ke majlis ini. Kehadiran keseluruhan secara fizikal adalah seramai 200 orang pegawai termasuk Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah-pengarah Bahagian dan Negeri, dan lebih 300 orang pegawai JAS telah menyertai secara dalam talian.

Pada majlis ini turut diadakan majlis penyampaian sijil penghargaan di atas pencapaian cemerlang Ibu Pejabat dan JAS negeri di dalam pengurusan pentadbiran, kewangan dan aset, penyampaian sijil Anugerah Lama Berkhidmat, pelancaran tali leher korporat JAS dan pelancaran Aplikasi Mobil DOE.

KOLEKSI GAMBAR SEKITAR MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2023 & MAJLIS PERSARAAN PEGAWAI TAHUN 2022



Sesi Bergambar Para Pesara Bersama Pengurusan Tertinggi JAS



Penyampaian Sijil Cemerlang Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan Tahun 2022



Penyampaian Sijil dan Cenderahati Kepada Pesara Tahun 2022



Penyampaian Sijil Anugerah Lama Berkhidmat



Pelantikan Pengerusi Puspanita Sesi 2023/2024



Penyampaian Hadiah Sukan Anjuran KESAS



Pelancaran Tali Leher Korporat JAS



Sesi Bergambar Para Pesara Bersama Pengurusan Tertinggi JAS



FOR DOE



**GREEN DRIVING TIPS
TO PROTECT THE
ENVIRONMENT**

Although automobiles have gotten a bad reputation for polluting the environment, there are lots of ways to drive greener and protect the environment when you drive. Not only some environmentally conscious driving choices can help reduce your carbon footprint, but they can also save you a lot of money.



Buy a Fuel-Efficient, Low-Emissions Vehicle

The best way to set your driving habits up for eco-friendliness is by driving a vehicle that's fuel efficient and emits the lowest amount of greenhouse gases possible. Fortunately, finding a car that meets these requirements is getting easier and more affordable each year.



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**

**Go
Green**

LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) JABATAN ALAM SEKITAR

12 Januari 2023, Putrajaya - Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) JAS telah diketuai oleh En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar dan disaksikan oleh KPKPj Ab. Muniem bin Ibrahim, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ibu Pejabat.

Seramai 200 orang warga JAS yang hadir telah mengangkat lafaz IBR termasuk Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS dan semua Pengarah Bahagian dan Pengarah JAS Negeri.

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bukanlah satu perkara baharu dalam organisasi JAS. IBR pertama kali telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan selepas lima (5) tahun, pada 12 Januari 2023, sekali lagi JAS menzahirkan komitmen yang sama dan lebih tekad dalam membanteras gejala rasuah dan salahguna kuasa melalui Majlis IBR 2023 ini.



KUNJUNGAN HORMAT TKPP JAS KE TKPP SPRM

13 Januari 2023, Putrajaya - Sesi kunjungan hormat oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas YBhg. Datuk Seri Norazlan bin Mohd. Razali, Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah diadakan pada 13 Januari 2023 (Jumaat) bertempat di Ibu Pejabat SPRM.

Sesi ini turut disertai oleh:

- YBhg. Datuk Izani Wan Ishak, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM.
- KPKPj En Ab. Muniem bin Ibrahim, Timbalan Pengarah, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.
- Pn Ani Fazliana binti Dato' Dahri, Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, JAS.
- En Salahudin bin Sidik, Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), JAS.

Sesi kunjungan hormat ini bertujuan untuk merapatkan hubungan dua hala antara JAS selaku agensi penguatkuasaan dengan pihak SPRM dalam usaha membangunkan kerjasama membanteras gejala rasuah dan salahguna kuasa.



PENGAWASAN KUALITI UDARA DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SUNGAI PETANI, KEDAH

17 Januari 2023, Sungai Petani - Bahagian Udara, JAS Ibu Pejabat telah melaksanakan pengawasan kualiti udara Kawasan Perindustrian Sungai Petani, Kedah. Aktiviti pengawasan kualiti udara tersebut dijalankan susulan JAS menerima aduan sebuah premis penstoran barangan plastik terpakai telah terbakar. Sejurus menerima aduan tersebut, JAS telah bergegas ke lokasi kejadian dan terus melaksanakan pengawasan kualiti udara bagi menilai tahap kualiti udara di kawasan perumahan berdekatan dengan lokasi kebakaran menggunakan peralatan Portable Multigas Analyser. JAS Ibu Pejabat juga telah menempatkan sebuah Stesen Pengawasan Kualiti Udara Bergerak di Kawasan Perindustrian Sungai Petani Kedah dan menjalankan pengawasan kualiti udara bagi mengenalpasti tahap gas toksik di persekitaran tidak memudaratkan kesihatan masyarakat awam di sekitar kawasan yang terlibat. Data-data pengawasan kualiti udara yang telah dicerap kemudian dianalisa dalam membantu JAS Negeri Kedah dan JAS Cawangan Sungai Petani menyediakan pelaporan.



Keadaan kawasan premis yang terlibat dalam insiden kebakaran



Penempatan Stesen Pengawasan Kualiti Udara Bergerak di Kawasan Perindustrian Sungai Petani



Penggunaan Portable Multigas Analyser bagi mencerap data pengawasan kualiti udara



FOR DOE



Although automobiles have gotten a bad reputation for polluting the environment, there are lots of ways to drive greener and protect the environment when you drive. Not only some environmentally conscious driving choices can help reduce your carbon footprint, but they can also save you a lot of money.



Drive Slower and Smarter

Not only what you drive impacts your carbon footprint, but also how you drive. You'll improve your gas mileage and emit less greenhouse gases by simply avoiding hard accelerations and slamming on the brakes.



GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT



MESYUARAT PERANCANGAN STRATEGIK BAHAGIAN PENGUATKUASA JABATAN ALAM SEKITAR 2023

17-18 Januari 2023, Putrajaya - Mesyuarat Perancangan Strategik Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Alam Sekitar 2023 telah diadakan selama dua (2) hari pada 17 -18 Januari 2023 bertempat di bilik Mesyuarat Teratai, JAS Ibu Pejabat.

Objektif mesyuarat adalah membentangkan pencapaian penguatkuasaan pada tahun 2022 yang telah dilaksanakan oleh JAS. Selain itu mesyuarat turut membincangkan perancangan serta halatuju penetapan sasaran penguatkuasaan tahun 2023 yang akan dilaksanakan.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 28 orang pegawai JAS yang terdiri daripada semua ketua-ketua Seksyen dan semua pegawai di Bahagian Penguatkuasa serta kehadiran pegawai-pegawai JAS Negeri.

Mesyuarat ini telah di pengerusikan oleh YBrs. Tn. Hj. Shafe'ee bin Yasin, Pengarah Penguatkuasa. Agenda utama mesyuarat ini adalah membentangkan pencapaian penguatkuasaan JAS Negeri bagi tahun 2022 oleh Ketua-Ketua Seksyen di Bahagian Penguatkuasa. Selain membentangkan pencapaian penguatkuasaan, perancangan dan halatuju bagi memantapkan penguatkuasaan JAS pada tahun 2023 juga turut dibincangkan.

Mesyuarat ini juga memfokuskan perancangan untuk meningkatkan penguatkuasaan sepertimana hasrat dan amanat Ketua Pengarah Alam Sekitar dalam ucapan beliau semasa Majlis Perhimpunan Jabatan yang telah diadakan pada 12 Januari 2023. Antara elemen penting dalam penentuan sasaran KPI 2023 semasa mesyuarat tersebut ialah KPI yang dirancang perlu diberi penekanan penekanan dan penelitian yang menyeluruh terhadap prosedur kerja dan juga pemakaian dan pematuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya ketika menjalankan tugas.




Hasil daripada Mesyuarat Perancangan Strategik Bahagian Penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar 2023, keputusan perancangan sasaran KPI pada tahun 2023 berdasarkan persetujuan Ketua Pengarah Alam Sekitar telah ditetapkan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Penguatkuasaan dan Pengurusan Aduan 2023 yang akan diadakan pada bulan Februari 2023 bersama JAS Negeri.



LIBAT URUS PERKONGSIAN MAKLUMAT SISTEM APLIKASI AGENSI LUAR

18 Januari 2023, Port Dickson – Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) telah menjayakan Sesi Libat Urus Perkongsian Maklumat Sistem Aplikasi bersama Jabatan Statistik Malaysia dan PLAN Malaysia. Seramai 32 peserta telah terlibat secara langsung bagi menjayakan program ini. Program ini turut dihadiri oleh YBrs. Dr Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Puan Zuraini binti Ahmad Tajudin, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Encik Salahudin bin Sidik, Pengarah Institut Alam Sekitar (EIMAS), Puan Hafizah binti Yahya @ Ab Rahim, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian terlibat bagi pemilik sistem aplikasi terpilih. Program ini merangkumi dua slot pengisian iaitu Taklimat Aplikasi DOSM yang disampaikan oleh Encik Ahmad Najmi Ariffin dan dan Aplikasi PLAN Malaysia yang diberikan oleh Encik Muhamad Ikhwan Bin Saadon dan Muhamad Aizuddin bin Safiaai.

Aplikasi DOSM terdiri daripada lima aplikasi utama iaitu CTADR@DOSM, MyCenDash, Kawasanku, MyDemography dan OpenDOSM. OpenDOSM contohnya merupakan platform data terbuka DOSM yang mempunyai maklumat katalog, visualisasi dan analisis semasa Malaysia. Semua aplikasi yang dikongsi boleh diakses oleh orang awam.





KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAIAN MALAYSIA

Slot: Pelaksanaan Data Analitik Bersama Jabatan Perangkaan Malaysia

PROGRAM BENGKEL PEMANTAPAN SISTEM APLIKASI JAS

DISEDIAKAN OLEH
AHMAD NAJMI ARIFFIN
Core Team Analitik Data Raya (CTADR)
Jabatan Perangkaan Malaysia

18 JANUARI 2022

20 OKT 2016 - 2020

StatsMalaysia
www.DOSM.gov.my



Aplikasi PLAN Malaysia pula terdiri daripada Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu dan maklumat data geospasial Rancangan Fizikal Negara. Rancangan Fizikal Negara (RFN) merupakan hierarki tertinggi dalam sistem perancangan guna tanah negara. Penyediaan RFN ini di bawah peruntukan Seksyen 6B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Sistem GIS RFN berperanan bagi membangunkan pangkalan data GIS RFN4 melalui pengumpulan, kemasukkan maklumat, pengemaskinian, penyeragaman dan penstrukturan mengikut piawaian yang diperlukan dan menyediakan instrumen dalam melaksanakan dan menghasilkan analisis perancangan secara spatial. Manakala I-Plan dibangunkan sebagai platform maklumat guna tanah secara dalam talian. Ianya merupakan aplikasi GIS berasaskan web yang memaparkan maklumat guna tanah bagi Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan.

JAS merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program libat urus ini. Pada masa hadapan, bagi memenuhi keperluan data kedua-dua agensi ini, pihak JAS akan membuat susulan perincian keperluan perkongsian data bersama kedua-dua agensi ini.



FOR DOE



**GREEN DRIVING TIPS
TO PROTECT THE
ENVIRONMENT**

Although automobiles have gotten a bad reputation for polluting the environment, there are lots of ways to drive greener and protect the environment when you drive. Not only some environmentally conscious driving choices can help reduce your carbon footprint, but they can also save you a lot of money.



Keep Up with Regular Maintenance

Another tip that will save you money and protect the environment in the long run is to keep up with regular vehicle maintenance. A well-maintained car will ride much smoother and more efficiently than a neglected, gas-guzzling car!



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**

**Go
Green**

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR Bil. 1/2023

13 - 16 Februari 2023, Kuala Lumpur - Mesyuarat Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar telah diadakan di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. En Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar turut dihadiri oleh YBrs. Dr Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan YBrs Puan Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) serta pengarah-pengarah daripada Bahagian-bahagian Ibu Pejabat dan JAS Negeri. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk menetapkan hala tuju pengurusan alam sekitar termasuk penguatkuasaan serta program-program kesedaran dan pendidikan berkaitan alam sekitar dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YBhg Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

JAS juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada industri-industri yang terus cakna tentang kepentingan menjaga alam sekitar melalui pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan diharapkan agar agenda pelestarian alam sekitar dapat dibudayakan dalam pengoperasian harian ke arah pematuhan 100% kepada Akta tersebut. Orang awam adalah diseru agar bersama-sama menyokong usaha dan inisiatif JAS dalam usaha membangun Malaysia Madani yang lestari.



LAWATAN TEKNIKAL PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA KE STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI & STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK



Penerangan oleh pegawai Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat berkenaan pengoperasian Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik (CAQM)



Para peserta program lawatan bergambar bersama pegawai JAS Ibu Pejabat dan wakil syarikat konsesi Pakar Scieno TW Sdn Bhd



Demonstrasi peralatan yang terdapat di Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik (CRWQM) CR08B, Sg. Langat, Selangor

13 Februari 2023, Putrajaya - Satu lawatan teknikal oleh pelajar prasiswazah dari Universiti Kebangsaan Malaysia ke stesen pengawasan kualiti kualiti udara dan kualiti air sungai automatik telah diadakan.

Objektif lawatan adalah bagi memberikan maklumat serta pendedahan mengenai program pengawasan kualiti alam sekitar yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Stesen pengawasan yang dilawati adalah Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik (CAQM) CA17W, Putrajaya dan Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Automatik (CRWQM) CR08B, Sg. Langat, Selangor. Pada sesi lawatan ini, para peserta berpeluang mempelajari peralatan-peralatan pengawasan yang digunakan di stesen yang terlibat. Taklimat mengenai pengoperasian stesen disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dengan kerjasama syarikat konsesi pihak Pakar Scieno TW Sdn. Bhd. (PSTW).



FOR DOE



**GREEN DRIVING TIPS
TO PROTECT THE
ENVIRONMENT**

Although automobiles have gotten a bad reputation for polluting the environment, there are lots of ways to drive greener and protect the environment when you drive. Not only some environmentally conscious driving choices can help reduce your carbon footprint, but they can also save you a lot of money.



Check Your Tires Regularly

If your tires aren't properly inflated, you'll be reducing your gas mileage and emitting more pollutants into the air. Did you know that you can find the ideal tire pressure amount listed on the driver side door or on the glove compartment door? Check your tires regularly with a pressure gauge to make sure that all tires are inflated to that number.



**GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT**

**Go
Green**



MESYUARAT PENYELARASAN HALATUJU PENGUATKUASAAN DAN PENGURUSAN ADUAN 2023

20 – 22 Februari 2023, Putrajaya -

Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Penguatkuasaan dan Pengurusan Aduan 2023 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Teratai, JAS Putrajaya. Mesyuarat ini adalah mesyuarat tahunan yang diadakan setiap tahun oleh Bahagian Penguatkuasa sebagai medium untuk penyelarasan semua pegawai JAS Negeri. Mesyuarat ini melibatkan semua JAS Negeri dan juga Ketua-ketua Cawangan JAS di seluruh Malaysia.

Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk membentangkan pencapaian penguatkuasaan tahun 2022 disamping membincangkan dan menetapkan sasaran penguatkuasaan pada tahun 2023. Mesyuarat ini juga merupakan salah satu platform bagi menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi oleh JAS Negeri khususnya yang berkaitan dengan kerja-kerja penguatkuasaan.

Mesyuarat telah dihadiri oleh Pengarah-Pengarah JAS Negeri, Ketua-Ketua Operasi, Ketua Cawangan Dan Pegawai-Pegawai JAS Negeri.



Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Penguatkuasaan dan Pengurusan Aduan 2023 selama dua (2) hari bermula 20 hingga 21 Februari 2023 diteruskan dengan Bengkel Halatuju Menyelesaikan Isu Pencemaran Di Luar Bidang Kuasa pada 22 Februari 2023. Mesyuarat dan bengkel ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah JAS Negeri, Ketua-Ketua Cawangan, wakil pegawai JAS di Bahagian Ibu Pejabat dan juga wakil pegawai JAS Negeri.



Mesyuarat telah di rasmikan oleh YBrs. Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS). Dalam ucapan perasmian, KPAS telah menyampaikan beberapa amanat beliau kepada semua pegawai JAS Negeri yang hadir secara fizikal dan juga hadir secara maya. Antara intipati amanat yang disampaikan oleh YBrs. KPAS adalah berkaitan sepuluh sektor yang perlu diberi fokus penguatkuasaan secara bersasar oleh JAS Negeri. Selain itu, pasukan pemikir (Think Tank Group) telah ditubuhkan di peringkat JAS Ibu Pejabat bagi menangani dan menyelesaikan masalah aduan berulang. Disamping itu, pegawai-pegawai JAS juga diingatkan supaya patuh kepada syarat 16 kali pemeriksaan atau lawatan yang telah ditetapkan oleh JPA berkaitan keperluan Bayaran Insentif Penguatkuasaan (BIP).

Agenda utama mesyuarat ini adalah membentangkan pencapaian penguatkuasaan JAS Negeri oleh seksyen-seksyen di Bahagian Penguatkuasa. Turut dibincangkan adalah isu dan masalah berkaitan penguatkuasaan di lapangan.

Bahagian Air dan Marin juga telah dijemput untuk membentangkan Cadangan Pelaksanaan Operasi Penguatkuasaan Terhadap Loji Kumbahan Di Seluruh Malaysia yang telah disampaikan oleh KPP Jamal Affendy bin Shahr. Manakala wakil Bahagian Penguatkuasa, PKK Mohd Fadli bin Ismail telah membentangkan berkaitan Prosedur Pemprosesan Kebenaran Bertulis Pelupusan Enapcemar Kumbahan. Sesi perkongsian diteruskan dengan pembentangan oleh Puan Nor Azlin binti Murat daripada Bahagian Terknologi Maklumat. Beliau telah membentangkan Inisiatif Dalam Penggunaan Sistem/Aplikasi Bagi Tujuan Penguatkuasaan. Mesyuarat pada kali ini juga diselitkan dengan sesi pemantapan Integriti bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Tajuk perkongsian yang telah disampaikan adalah Memperkasa Imej Penguatkuasa Tanpa Rasuah.

Bengkel Halatuju Menyelesaikan Isu Pencemaran di Luar Bidang Kuasa pada 22 Februari 2023 pula membincangkan dan mencari penyelesaian kepada aduan yang sering di terima oleh JAS tetapi di luar bidang kuasa. Pelbagai pandangan dan cadangan telah diterima hasil daripada bengkel bagi menangani masalah ini. Satu matriks atau tindakan yang perlu diambil mengikut kategori kes aduan luar bidang kuasa telah digariskan dan diselaraskan sebagai rujukan semua JAS Negeri.



Hasil daripada Mesyuarat Penyelarasan Halatuju Penguatkuasaan dan Pengurusan Aduan 2023, penetapan sasaran KPI 2023 dan halatuju untuk meningkatkan pencapaian penguatkuasaan 2023 telah dipersetujui. Disamping itu juga satu prosedur tindakan bagi isu pencemaran di luar bidang kuasa JAS juga telah diselaras dan diseragamkan untuk rujukan semua JAS Negeri.



FOR DOE



Although automobiles have gotten a bad reputation for polluting the environment, there are lots of ways to drive greener and protect the environment when you drive. Not only some environmentally conscious driving choices can help reduce your carbon footprint, but they can also save you a lot of money.



Use the Right Kind of Oil

You might be tempted to choose the cheapest kind of oil when you take your vehicle into the shop for an oil change, but the kind of oil you put in your car affects its performance and efficiency. Flip open your auto manual to read the manufacturer's recommendations and use synthetic, environmentally-friendly motor oil in your engine when possible.



GREEN TIPS SECRETARIAT
DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

Go
Green


PERTANDINGAN MEWARNA INVEST IN OUR PLANET SEMPENA HARI BUMI

1 Mac 2023, Putrajaya – Satu pertandingan mewarna telah diadakan sempena meraikan Hari Bumi 2023 di Enviro Digital / Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar dengan tema "Invest in Our Planet" selaras dengan tema Hari Bumi 2023. Pertandingan ini telah disertai oleh 70 orang kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun. Objektif pertandingan ini adalah mendedahkan kepada kanak-kanak akan kepentingan menjaga alam sekitar dan budaya yang boleh diamalkan dalam memastikan kelestarian alam sekitar terus dijaga. Hasil karya kanak-kanak ini akan dipapar dan digunakan oleh pihak Jabatan dalam program-program kesedaran yang lain. Bak kata pepatah "Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya". Kanak-kanak adalah pemimpin masa hadapan yang akan mewarisi bumi ini dan seharusnya menurunkan budaya ini kepada generasi seterusnya. Program pendedahan ini perlulah sentiasa diadakan agar motto Jabatan "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama" dapat disebar luas kepada semua golongan.

KLINIK BIMBINGAN PEPERIKSAAN PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR (PKAS) GRED C41 DAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN ALAM SEKITAR (PPKAS) GRED C29


2 Mac 2023, Putrajaya – Pada 2 Mac 2023 yang lalu, Klinik Bimbingan Peperiksaan Pegawai Kawalan Alam Sekitar (PKAS) Gred C41 dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (PPKAS) Gred C29 Jabatan Alam Sekitar Tahun 2023 telah diadakan secara dalam talian. Sesi ini dikendalikan oleh Pn. Norina ak Frederick Sambang, Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52 dan Encik Sham Izuddi bin Mat Hussin, Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48 dan telah melibatkan seramai 8 orang pegawai yang bakal menduduki Peperiksaan Perkhidmatan PKAS Gred C41 dan PPKAS Gred C29 yang diadakan pada 20 dan 21 Mac 2023.

Klinik ini dianjurkan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pegawai tentang teknik-teknik menjawab soalan peperiksaan. Peperiksaan perkhidmatan merupakan salah satu syarat wajib yang ditetapkan bagi tujuan pengesahan perkhidmatan pegawai-pegawai lantikan baharu. Diharapkan agar penganjuran klinik ini dapat memberikan manfaat kepada para pegawai yang terlibat sekaligus meningkatkan peratusan pegawai yang melepasi markah lulus.



Para panel jemputan sedang memberikan "Tips & Tricks" kepada calon-calon Peperiksaan Perkhidmatan Bagi Pegawai Kawalan Alam Sekitar (PKAS) Gred C41 dan Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar (PPKAS) Gred C29

Calon-calon pegawai yang hadir secara atas talian



BENKEL NATIONAL CONSULTATION WORKSHOP FOR KIGALI IMPLEMENTATION PLAN (KIP) PREPARATION



6 Mac 2023, Cyberjaya – Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama the World Bank dan Tri EcoEdge Sdn Bhd telah mengadakan National Consultation Workshop for Kigali Implementation Plan (KIP) Preparation bagi pengurangan penggunaan hidrofluorokarbon (HFC) di Malaysia.

Bengkel ini telah diadakan di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Tujuan bengkel ini adalah untuk membincangkan hasil dapatan kaji selidik data penggunaan HFC yang dilaksanakan oleh perunding TriEcoEdge Sdn Bhd. Dalam bengkel ini garis dasar, strategi dan hala tuju bagi pelaksanaan pelan pengurangan penggunaan HFC di Malaysia serta kaedah pembahagian kuota HFC turut dibentangkan oleh pakar Protokol Montreal dari World Bank.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. YBr. Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), JAS, Ms. Mary-Ellen Foley, Ketua Pasukan World Bank dan pakar-pakar dari World Bank turut hadir bersama dalam bengkel ini.

Seramai lebih kurang 200 peserta daripada agensi kerajaan, syarikat pengimport dan industri telah menghadiri bengkel ini secara bersemuka dan 100 peserta lain menghadiri secara dalam talian.

SEMINAR PEMERKASAAN PSIKOLOGI DAN KEROHANIAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KE ARAH MEMBENTUK PEGAWAI BERINTEGRITI TINGGI PERINGKAT ZON TENGAH



Sesi Bersama Pegawai SPRM

7-8 Mac 2023, Putrajaya – Seminar Pemerksaan Psikologi Dan Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Ke Arah Membentuk Pegawai Berintegriti Tinggi Peringkat Zon Tengah telah diadakan di Dewan Baiduri Wisma Sumber Asli pada 7 dan 8 Mac 2023.

Peserta seminar berjumlah 40 orang terdiri daripada pegawai-pegawai pelbagai kumpulan dan skim perkhidmatan dari JAS Ibu Pejabat, EIMAS, JAS WPKL, JAS Selangor dan JAS Negeri Sembilan.

Pada hari pertama program, peserta diberi pendedahan oleh Pegawai Psikologi, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) berkaitan Pengurusan Emosi Dan Tekanan Dalam Persekitaran Tempat Kerja Yang Mencabar, Kemahiran Berkomunikasi Dalam Pengurusan Emosi & Tekanan dan Memupuk Budaya Kerja Beraura Positif Dan Keseronokan Bekerja.

Pada hari kedua pula, peserta di bawah Program Bicara Tanpa Rasuah (BITARA) diberi pendedahan berkaitan pencegahan rasuah alam sekitar melalui slot Gejala & Virus Rasuah dan Salahguna Kuasa Dalam Agensi Penguatkuasaan, Jenayah Rasuah Berdasarkan Perspektif Islam dan sesi dialog pegawai JAS – SPRM.



Sesi Bersama Pegawai Psikologi NRECC



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JAS DAN TNB GENCO



9 Mac 2023, Bandar Baru Bangi - Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara JAS dan TNB Genco telah diadakan di Hotel Tenera, Bangi. Sesi menandatangani MoU telah disempurnakan oleh Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Puan Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) bagi pihak JAS manakala bagi pihak TNB Genco telah disempurnakan oleh Dato' Nor Azman Mufli, Managing Director dan Encik Muhammad Zahir bin Ismail, Ketua Jabatan Aset, Operasi dan Maintenance.

MoU ini telah menggariskan 6 perkara antaranya meliputi pematuhan AKAS1974 serta program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam berkaitan pembudayaan gaya hidup alam sekitar.



MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA JAS-TNB GENCO

